

**KEDUDUKAN BAITULMAL DALAM  
PEWARISAN HARTA PUSAKA: ANALISIS  
HUKUM DAN PRAKTIS DI MALAYSIA**  
**The Status of Baitulmal in Islamic Inheritance:  
Juristic and Practical Analysis in The  
Malaysian Context**

**Nor Azlina Abd Wahab\***  
**Mohd Zamro Muda\*\***  
**Noor Lizza Mohamed Said\*\*\***

**ABSTRACT**

*The baitulmal functions as the final institution responsible for managing the estates of deceased persons who have no heirs or for any surplus remaining after distribution to rightful heirs in accordance with Islamic law. Classical fuqaha'*

---

\* Phd Candidate, Center for Shariah Studies, Faculty of Islamic Studies, National University of Malaysia, 43600 Selangor, Malaysia & Senior Lecturer, Academy of Contemporary Islamic Studies (ACIS), UiTM Malacca Branch, 78000 Alor Gajah Campus, Malacca Malaysia. (Corresponding Author) E-mail: p110945@siswa.ukm.edu.my

\*\* Senior Lecturer, Center for Shariah Studies, Faculty of Islamic Studies, National University of Malaysia, 43600 Selangor, Malaysia. E-mail: zamro@ukm.edu.my

\*\*\* Senior Lecturer, Center for Shariah Studies, Faculty of Islamic Studies, National University of Malaysia, 43600 Selangor, Malaysia. E-mail: lizza@ukm.edu.my

*differed in their opinions regarding the disposition of such surplus property, whether it should be allocated to the baitulmal, returned to the heirs through the principle of al-radd or inherited by the dhawī al-arḥām (extended kin). According to the Shāfi'ī school, any surplus estate should be transferred to the baitulmal. However, later Shāfi'ī jurists (fuqaha' mutaakhir) maintained that the baitulmal is only entitled to receive inheritance property if it is managed properly by a just and legitimate ruler. In Malaysia, the current practice largely adheres to the classical Shāfi'ī position that assigns the surplus estate to the baitulmal. This study aims to examine the juristic status of the baitulmal in receiving inheritance property according to fiqh and to analyze its implementation and challenges in Malaysia. This study employs a qualitative approach, utilising content analysis and interviews with state baitulmal officers involved in inheritance administration. The data were analysed descriptively to achieve the objectives of the study. The study concludes that in Malaysia, the baitulmal is recognized as the rightful authority entitled to receive the surplus of a deceased person's estate. Nevertheless, legal provisions under State Islamic Administration Enactments allow for the possibility of applying the al-radd method or recognizing dhawī al-arḥām as eligible heirs through fatwa, reflecting the flexibility (murūnah) of ijtihad in preserving the welfare of heirs within the Malaysian socio-legal framework.*

**Keywords:** *Baitulmal, Inheritance, al-Radd, Dhawī al-Arḥām, Malaysia.*

## **PENDAHULUAN**

Apabila berlaku kematian pembahagian dan pengurusan harta pusaka merupakan satu perkara yang mesti dilaksanakan mengikut kaedah dan prosedur tertentu yang telah ditetapkan oleh syarak dan

undang-undang.<sup>1</sup> Bahkan, harta pusaka si mati juga akan dibahagikan kepada waris-waris yang layak mengikut bahagian-bahagian yang ditetapkan oleh Allah SWT setelah ditunaikan hak-hak si mati. Walau bagaimanapun, seandainya si mati tidak meninggalkan waris, atau hanya ada waris dari kalangan *aṣḥāb al-furūd* dan tidak ada waris *‘aṣabah*, maka baki harta pusaka itu akan diwarisi oleh orang Islam iaitu baitulmal.

Menurut syariat Islam, baitulmal merupakan salah satu waris yang layak menerima harta pusaka sekiranya terdapat lebih harta setelah diberikan kepada waris-waris yang berhak. Hal ini kerana, salah satu sebab-sebab pusaka ialah Islam dengan maksud apabila seseorang itu mati dan tidak meninggalkan waris ataupun mempunyai lebih harta pusaka setelah diagihkan, maka harta-harta tersebut perlulah diserahkan kepada baitulmal.<sup>2</sup> Malah, menurut Jasni Sulong<sup>3</sup> perwarisan baitulmal dengan sebab *jihhah al-Islam* ini lebih tinggi daripada konsep baitulmal sebagai pemegang harta semata-mata. Bagi Mazhab Syāfi‘ī, baitulmal berhak menerima harta pusaka sekiranya ditadbir secara teratur dan adil, iaitu diuruskan oleh pentadbir atau penguasa yang adil dan harta yang tersimpan di dalamnya, dapat diguna dan diuruskan untuk kepentingan umum yang bersesuaian dengan hukum syarak.

Walaupun bagaimanapun, para fuqaha’ telah berbeza pandangan mengenai hak baitulmal dalam menerima lebih harta pusaka ini, malah terdapat pandangan yang mengatakan lebih harta pusaka adalah lebih utama diserahkan kepada waris-waris si mati, jika mereka tiada maka akan diserahkan kepada ahli keluarga si mati yang tidak layak mewarisi. Ini bermakna mengembalikan harta kepada waris secara *al-radd* atau diwariskan kepada *dhawī al-arḥām* lebih utama berbanding baitulmal. Apatahlagi pandangan ini

---

<sup>1</sup> Mohd Ridzuan bin Awang, *Undang-undang pentadbiran pusaka orang-orang Islam di Malaysia* (Al-Rahmaniah: Kuala Lumpur, 1988), 6.

<sup>2</sup> ‘Alī bin Muḥammad Al-Māwardī, *Al-Hāwī Al-Kabīr* (Beirut: Dār al-Kutubī Al-Ilmiyah, 1994), 8:73.

<sup>3</sup> Jasni Sulong, “Kedudukan Mazhab Syāfi‘ī dalam Amalan Pembahagian Harta Pusaka dan Wasiat Islam di Malaysia,” *Jurnal Syariah* 16, no. 1 (2008): 166, <https://ejournal.um.edu.my/index.php/JS/article/view/2278>.

turut dipersetujui oleh majoriti ulama terkemudian daripada Mazhab Syāfi‘ī atas alasan kedudukan dan peranan baitulmal telah berubah.<sup>4</sup>

Sehubungan itu, kedudukan baitulmal sebagai penerima lebih harta pusaka dalam konteks Malaysia ini perlu diteliti amalannya kerana kebanyakan negeri-negeri di Malaysia telah memberi kuasa kepada baitulmal untuk mewarisi harta si mati dengan mengikut pandangan Mazhab Syāfi‘ī, yang menjadi sandaran asas perundangan di Malaysia.

Walau bagaimanapun, amalan di Malaysia memperlihatkan bahawa bagi lebih harta pusaka yang menjadi milik baitulmal masih boleh dituntut oleh waris bagi sesuatu kes atas permohonan tebus pusaka. Tebus pusaka bermaksud pembelian harta pusaka milik baitulmal oleh waris sama ada belum atau telah didaftar di bawah Akta Harta Pusaka Kecil (Pembahagian) 1955. Konsep tebus pusaka ini lebih menghampiri pendekatan *takhāruj* iaitu pelepasan hak baitulmal kepada waris-waris dengan balasan (bayaran) seperti yang dinyatakan dalam Manual Pengurusan Tebus Pusaka.<sup>5</sup> Menurut Syafiah<sup>6</sup>, Ahmad Zaki<sup>7</sup>, Indera Shahril<sup>8</sup>, Mohd Ridzuan<sup>9</sup> dan Rohaizah<sup>10</sup> bahawa terdapat banyak permohonan penebusan daripada waris *aṣḥāb al-furūd* dan *dhawī al-arḥām* terhadap lebih harta pusaka yang telah diserahkan kepada baitulmal.

---

<sup>4</sup> Muḥammad ‘Alī al-Ṣabūnī, *al-Mawāriṭh fī al-shar‘īah al-Islamiyyah fī dawī’ al-Kitāb wa al-Sunnah* (al-Qāhirah: Dār al-Ṣabūnī, 2002), 182.

<sup>5</sup> Jabatan Wakaf Zakat dan Haji, *Manual Pengurusan Tebus Pusaka* (Putrajaya: Percetakan Nasional Malaysia Berhad (PNMB) Jalan Chan Sow Lin, 2008), 17.

<sup>6</sup> Nurul Syafiah Abdul Jalil, Penolong Pengarah, Bahagian Mal, Jabatan Wakaf Majlis Agama Islam Negeri Sembilan, temu bual oleh penulis, 8 Februari 2023.

<sup>7</sup> Syeikh Ahmad Zaki Ghazali, Ketua Bahagian Baitulmal Majlis Agama Islam Negeri Kedah, temu bual oleh penulis, 31 Julai 2023.

<sup>8</sup> Indera Shahril Mohd Shahid, Pengarah Baitulmal Majlis Agama Islam Selangor, temu bual oleh penulis. 3 Ogos 2023.

<sup>9</sup> Mohd Ridzuan Muhamad, Penolong Setiausaha, Bahagian Wakaf dan Sumber Am, Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu, temu bual oleh penulis, 15 November 2023.

<sup>10</sup> Rohaizah Abas, Penolong Setiausaha, Bahagian Wakaf dan Mal, Majlis Agama Islam Melaka, temu bual oleh penulis, 20 Disember 2023.

Sehubungan itu, permasalahan yang timbul apabila waris yang memohon untuk tebus lebih harta pusaka ini merupakan mereka yang tergolong dalam kalangan susah dan tidak berkemampuan dari sudut kewangan serta tidak mempunyai pendapatan tetap. Keadaan ini sudah tentu menimbulkan kesukaran kepada waris untuk menebus harta pusaka tersebut daripada pihak baitulmal, sekali gus mewujudkan bebanan yang signifikan terhadap kehidupan mereka. Situasi sedemikian juga boleh dianggap sebagai suatu bentuk pengabaian terhadap kebajikan waris. Bahkan, pada masa sama baitulmal turut berhadapan dengan pelbagai cabaran dalam menguruskan lebih harta pusaka tersebut. Persoalannya, apakah solusi terbaik bagi menangani isu ini dalam konteks hukum dan perundangan di Malaysia, terutamanya apabila melibatkan waris yang berada dalam keadaan kesempitan hidup.

Oleh itu, objektif kajian ini adalah untuk mengetengahkan cadangan penyelesaian bagi mengatasi masalah berkaitan waris seperti keperluan untuk menilai semula dasar ketetapan fatwa sedia dengan mengambil kira pandangan mazhab-mazhab lain, termasuk pandangan yang lebih fleksibel berhubung keutamaan kebajikan waris yang susah dan tidak berkemampuan.

## **METODOLOGI KAJIAN**

Bagi mencapai objektif kajian, metodologi kajian yang dipilih adalah berbentuk kualitatif. Bagi tujuan pengumpulan data mengenai pandangan fuqaha' berkaitan pewarisan baitulmal dan amalan perlaksanaanya di Malaysia, kajian ini menggunakan kaedah analisis dokumen dan kaedah temu bual separa berstruktur. Kaedah analisis dokumen digunakan adalah untuk mengumpul data dari bahan-bahan bertulis sama ada sumber primer atau sekunder yang diambil daripada buku, tesis, artikel jurnal dan laman sesawang. Sumber daripada kitab *turāth* juga turut digunakan untuk mencari perbincangan fuqaha' berkaitan permasalahan ini.

Selain itu, temu bual separa berstruktur bersama lima orang informan terdiri daripada pegawai-pegawai yang berkhidmat di Baitulmal Majlis Agama Islam Negeri-Negeri seperti Majlis Agama Islam Negeri Sembilan, Majlis Agama Islam Kedah, Majlis Agama Islam Selangor, Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu

dan Majlis Agama Islam Melaka, selepas ini disebut MAINS, MAIK, MAIS, MAIDAM dan MAIM turut dijalankan untuk mendapatkan maklumat terperinci mengenai amalan pelaksanaan di Malaysia. Informan yang dipilih adalah berdasarkan kepada teknik persampelan bertujuan yang mempunyai pengalaman dan terlibat secara langsung dalam pengurusan harta pusaka baitulmal. Semua perbualan telah dirakam dengan menggunakan perakam suara bagi dijadikan transkripsi supaya dapat dianalisis. Seterusnya hasil dari data temu bual yang diperolehi telah melalui proses pengesahan data dan hasil kajian yang diperolehi dianalisis secara deskriptif.

## ANALISIS DAN PERBINCANGAN

Dalam undang-undang pusaka Islam terdapat tiga golongan waris yang boleh mewarisi harta peninggalan si mati, iaitu waris *aṣḥāb al-furūd*, waris *aṣabah* dan waris *dhawī al-arḥām*. *Aṣḥāb al-furūd* ialah waris-waris yang telah dinyatakan bahagian mereka di dalam al-Quran, al-Sunnah dan Ijmak. Manakala *aṣabah* pula ialah waris-waris yang tidak mempunyai bahagian tetap dan bahagian mereka tidak dinyatakan di dalam al-Quran atau al-Sunnah dan hanya menerima harta lebih daripada waris *aṣḥāb al-furūd*. Manakala *dhawī al-arḥām* pula ialah waris selain daripada waris *aṣḥāb al-furūd* dan *aṣabah*. Pewarisan waris *aṣḥāb al-furūd* dan waris *aṣabah* telah disepakati oleh para fuqaha.<sup>11</sup> Walau bagaimanapun, seandainya tidak terdapat kedua-dua jenis waris ini dalam mewarisi harta pusaka si mati atau ada waris, tetapi terdapat lebih setelah diberikan kepada waris-waris yang berhak, maka para fuqaha' telah berselisih pandangan sama ada harta pusaka tersebut akan diserahkan kepada baitulmal atau dikembalikan kepada waris mengikut kaedah *al-radd* atau diwariskan kepada waris *dhawī al-arḥām*.<sup>12</sup>

---

<sup>11</sup> Wahbah al-Zuhailī, *Fiqh Islāmī wa adillatuh* (Beirūt: Dār al-Fikr al-Mu'āsir, 2002), 10:7739.

<sup>12</sup> Muḥammad Muṣṭafa Shalabī, *Aḥkām al-Mawāriṭh bayn al-Fiqh wa al-Qānūn* (Beirūt: Dār al-Nahdhah al-'Arabiyyah, 1978), 280.

## Perbincangan Mengenai Kedudukan Lebih Harta Pusaka Menurut Pandangan Fuqaha'

Para fuqaha' tidak sependapat mengenai isu keutamaan dalam mewarisi lebih harta pusaka sama ada perlu diserahkan kepada baitulmal, pembahagian secara *al-radd* atau diserahkan kepada waris *dhawī al-Arḥām*. Hal ini disebabkan kesan daripada ketiadaan nas yang jelas mengenai bentuk agihan baki pusaka selepas diberikan kepada waris *aṣḥāb al-furūd* dan kaedah fuqaha' yang berbeza dalam memahami lafaz "pertalian kerabat" yang terdapat di dalam surah al-anfal ayat 75, yang bermaksud: "*Orang-orang yang mempunyai pertalian kerabat, setengahnya lebih berhak atas setengahnya yang lain menurut (hukum) Kitab Allah.*" Maka dalam masalah ini Ibnu Kathīr<sup>13</sup> telah menjelaskan di dalam kitabnya bahawa terdapat tiga pandangan mengenai ayat ini:

1. Pandangan pertama menyatakan bahawa lafaz '*ulu al-arḥām*' ialah lafaz umum dan merangkumi kesemua orang yang mempunyai hubungan kerabat termasuk *dhawī al-arḥām*.
2. Pandangan kedua pula menyatakan bahawa lafaz tersebut adalah lafaz yang dikhususkan untuk *dhawī al-arḥām*. Bahkan, pandangan pertama dan kedua ini merupakan hujah yang digunakan untuk menerima waris *dhawī al-arḥām* sebagai penerima harta pusaka.
3. Pandangan ketiga pula merupakan pandangan yang menolak *dhawī al-arḥām* sebagai waris dengan berhujah bahawa ayat tersebut tidak menyatakan secara jelas mengenai hak pembahagian mereka.

Malah, Ibnu Kathīr juga turut menambah bahawa jika hak pembahagian mereka tidak disebut di dalam al-Quran maka mereka tidak tergolong sebagai ahli waris yang berhak menerima harta pusaka si mati. Bahkan, Imam al-Syāfi'ī<sup>14</sup> menyatakan bahawa: "*Dan sesiapa yang mendapat fardū (bahagian tetap) berdasarkan*

---

<sup>13</sup> Abu al-Fida Isma'īl ibn Umar ibn Kathīr al-Dimashqī, *Tafsīr Ibn Kathīr* (Beirut: Dār al-Kitāb 'Alamiyyah, 1998), 153-154.

<sup>14</sup> Muḥammad ibn Idris Al-Syāfi'ī, *Al-Umm* (Beirut: Dār al-Ma'rifah, 1990), 4:84.

*al-Quran, al-Sunnah atau riwayat salaf, maka kami hentikan mengikut bahagian masing-masing. Jika terdapat baki daripada harta, maka kami tidak akan pulangkan semula (al-radd) nilaiannya tersebut.”*

Justeru, dapat difahami bahawa kaedah *al-radd* tidak dilaksanakan dalam pewarisan harta pusaka mengikut pandangan Imam al-Syāfi‘ī. Oleh itu, setiap lebihan harta yang telah diagihkan hendaklah diserahkan kepada baitulmal. Pendapat ini telah dikemukakan oleh *Zayd bin Thābit, al-Awzā‘iyy, ‘Urwah, al-Zuhrīyy, Dāwūd al-Zahirīyy* dan ulama dalam mazhab Maliki dan Syāfi‘ī.

Begitu juga dengan pewarisan *dhawī al-arḥām*. Imam al-Syāfi‘ī turut menyatakan bahawa harta pusaka yang tidak berwaris atau ada waris, tetapi masih ada baki selepas diberikan kepada waris-waris yang berhak menurut hukum syarak. Maka, baitulmal perlu didahulukan berbanding *dhawī al-arḥām*.<sup>15</sup> Pendapat ini juga merupakan pendapat *Zayd bin Thābit, Ibn ‘Abbās, Said bin al-Musayyib* dan *Sufyān al-Thawrī*.

Oleh yang demikian, dapat difahami bahawa kaedah *al-radd* dan agihan harta pusaka kepada waris *dhawī al-arḥām* tidak diterima pengamalannya menurut pandangan Imam al-Syāfi‘ī dan fuqaha mazhab Syāfi‘ī. Namun begitu, fuqaha’ mutaakhir daripada mazhab Syāfi‘ī<sup>16</sup>, serta fuqaha’ mutaakhir mazhab Maliki<sup>17</sup> selepas kurun keempat hijrah membolehkan waris *dhawī al-arḥām* menerima harta pusaka dengan syarat pentadbiran baitulmal tidak

---

<sup>15</sup> Shams al-Dīn Muḥammad ibn Muḥammad al-Khātib al-Sharbinī, *al-Mughnī al-muhtāj*, 4:12-13. Lihat juga Abī Zakaria Yahya ibn Sharaf al-Nawāwī, *Minhāj al-Ṭālibīn* (t.tp, t.th), 85.

<sup>16</sup> Golongan mutaakhir yang dimaksudkan ialah para ulama mazhab Syāfi‘ī, selepas kurun keempat hijrah; lihat Shihāb al-Dīn wa ‘Umairah Qalyūbī, *Hāshiyatay al-Imāmayn al-Muḥaqqiqayn* (t.tp, t.th), 3:137, Shams al-Dīn Muḥammad ibn Abī al-Abbas Aḥmad ibn Hamzah ibn Shihāb al-Dīn al-Ramlī, *Nihāyat al-Muhtāj ilā Sharḥ al-Minhāj fī al-Fiqh ‘alā Madhhab al-Imām al-Shāfi‘ī* (t.tp, t.th), 6:10.

<sup>17</sup> Wahbah Al-Zuhaili, *al-Fiqh Islamī wa Adillatuh* (Dimashq: Dār al-Fikr, 1984), 10:7795.

teratur demi untuk menjaga masalah umat Islam. Begitu juga dengan al-Muzānī dan Ibn Syuraih dari fuqaha mazhab Syāfi'ī turut berpandangan bahawa waris *dhawī al-arḥām* lebih berhak terhadap lebih harta pusaka atau harta pusaka yang tidak berwaris berbanding baitulmal. Justeru itu, ahli keluarga lebih berhak untuk mendapat lebih pusaka kerana mereka mempunyai dua hubungan yang kuat dengan si mati iaitu atas ikatan kekeluargaan dan ikatan seagama.<sup>18</sup>

### **Amalan Pelaksanaannya di Malaysia**

Menurut Jasni Sulong<sup>19</sup> pandangan mazhab Syāfi'ī telah dijadikan sebagai sumber rujukan masyarakat serta mempengaruhi aliran fiqh termasuk urusan berkaitan undang-undang diri seperti pengurusan dan pembahagian harta pusaka.

Bahkan, pandangan mazhab Syāfi'ī juga dijadikan sebagai rujukan utama dalam Undang-Undang Pentadbiran Agama Islam setiap negeri di Malaysia pada masa ini. Keutamaan merujuk kepada mazhab Syāfi'ī ini boleh dilihat dengan jelas sebagaimana yang telah diperuntukkan di dalam Undang-undang Pentadbiran Agama Islam setiap negeri kecuali negeri Perlis dan juga berdasarkan Arahan Amalan Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM) Bil. 9/2001 bahawa ‘Pemakaian Pendapat Mazhab Fiqh untuk menerima pakai arahan berhubung pemakaian pendapat dari Mazhab-Mazhab Fiqh. Pengambilan pendapat Mazhab Mu'tabar hendaklah berpandukan kepada dasar yang telah ditetapkan oleh Raja Pemerintah bagi negeri yang mengeluarkan “tauliah” kepada Hakim-Hakim Syarie.<sup>20</sup> Kecenderungan merujuk kepada pandangan mazhab Syāfi'ī ini juga boleh dilihat di dalam laporan kajian mengenai rujukan fatwa di Malaysia, oleh Ahmad Hidayat

---

<sup>18</sup> Al-Khātīb al-Shirbīnī, *Mughnī al-Muḥtāj ilā Ma'rifat Ma'ānī Alfāz al-Minhāj* (Beirut: Dār al-Kutub al-Ilmiyyah, 1995), 4:12.

<sup>19</sup> Jasni Sulong, “Kedudukan Mazhab Syāfi'ī dalam Amalan Pembahagian Pusaka dan Wasiat Islam di Malaysia,” *Jurnal Shariah* 16, no. 1 (2008): 164, <https://ejournal.um.edu.my/index.php/JS/article/view/2278>.

<sup>20</sup> Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia, “Arahan Amalan No. 9 Tahun 2001” (Kuala Lumpur: Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM), 2 Januari 2001).

Buang<sup>21</sup> bahawa terdapat sebanyak 13 daripada 14 buah kitab fiqh yang dirujuk adalah kitab fiqh mazhab Syāfi'ī.<sup>22</sup>

Sebagai contoh, keutamaan merujuk kepada mazhab Syāfi'ī ini boleh dilihat dalam Enakmen Mufti Dan Fatwa (Kedah Darul Aman). Bahagian III - Jawatankuasa Fatwa, Undang-undang No. 10 Tahun 2008, Seksyen 26 Qaul Muktamad Hendaklah Diikuti. Begitu juga dengan Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor). Bahagian III - Pelantikan Mufti, Kuasa Dalam Hal Ehwat Agama, Jawatankuasa Fatwa Dan Fatwa Yang Berhubungan Dengan Kepentingan Nasional. Undang-undang No. 1 Tahun 2003, Seksyen 54, Qaul Muktamad adalah mengikut pandangan Mazhab Syāfi'ī.

Selain itu, fungsi baitulmal sebagai waris, wasi dan pentadbir pusaka juga tertakluk kepada undang-undang negeri di bawah Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri-Negeri. Sebagai contoh, peranan baitulmal dalam mengurus harta pusaka atau harta pusaka tidak berwaris telah diperuntukkan di dalam Peraturan 18 dan 19 (1), (2), Bahagian IV - Harta dan Sumber Baitulmal. Enakmen No.9 Tahun 2008, Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Agama Islam (Kedah Darul Aman) 2008. Enakmen-enakmen ini juga turut diguna pakai oleh negeri-negeri lain di Malaysia.

Justeru itu, peruntukan undang-undang di atas seakan berlaku percanggahan dalam mengikut pandangan muktamad mazhab Syāfi'ī dengan pandangan *mutakhir Syafi'iyah* yang tidak memberi hak perwarisan kepada baitulmal dengan amalan di Malaysia yang membenarkan baitulmal mewarisi lebih harta pusaka si mati yang mengikut pandangan lama mazhab Syāfi'ī.

Namun, sehingga hari ini masih tiada undang-undang khusus di Malaysia yang menyatakan mengenai keutamaan penerimaan lebih harta pusaka ini. Sehubungan itu, disebabkan

---

<sup>21</sup> Ahmad Hidayat Buang, "Analisis Fatwa-Fatwa Syariah di Malaysia," *Jurnal Shariah* 10, no. 1 (2002): 49, <https://ejournal.um.edu.my/index.php/JS/article/view/22896>.

<sup>22</sup> Jasni Sulong, "Kedudukan Mazhab Syāfi'ī dalam Amalan Pembahagian Pusaka dan Wasiat Islam di Malaysia," *Jurnal Shariah* 16, no. 1 (2008): 170, <https://ejournal.um.edu.my/index.php/JS/article/view/2278>.

ketiadaan undang-undang syariah yang khusus maka mahkamah syariah akan kembali kepada hukum syarak, iaitu dengan merujuk kepada pandangan fiqh mazhab Syāfi‘ī.<sup>23</sup> Hal ini kerana, keutamaan yang digunapakai adalah tertakluk kepada mazhab yang dipegang oleh negara atau fatwa yang dikeluarkan oleh mufti dalam negara tersebut.<sup>24</sup> Bahkan, Juraish<sup>25</sup> turut menjelaskan bahawa secara amalnya perkara ini telahpun diamalkan berikutan adanya bidangkuasa Mahkamah Syariah bagi menentukan bahagian harta pusaka yang berhak diterima oleh seseorang ahli waris. Maka, atas faktor tersebut kebiasaannya baitulmal akan diberi hak menuntut lebih harta pusaka dengan dijadikan sebagai Responden dalam permohonan pembahagian harta pusaka.

Walau bagaimanapun, dalam menguruskan harta pusaka ini terdapat pelbagai cabaran yang dihadapi oleh baitulmal seperti masalah tanah yang tidak ekonomik, waris tidak mampu tebus tanah pusaka serta berlaku pertikaian masyarakat mengenai pewarisan baitulmal ini. Sehubungan itu, bagi memastikan cabaran yang dihadapi dapat diatasi. Maka, dilihat bahawa pelaksanaan kaedah *al-radd* atau pewarisan waris *dhawī al-arḥām* boleh menjadi sebagai salah satu solusi dalam menyelesaikan cabaran tersebut serta dapat memastikan *maṣlahah* dan kebajikan waris juga dapat di atasi. Bahkan, pelaksanaannya juga adalah selaras dengan *maṣlahah* dan maqasid syariah. Oleh itu, penilaian semula fatwa adalah diperlukan dan pihak-pihak yang terlibat perlu mengambil kira pertimbangan untuk pelaksanaan kaedah *al-radd* atau pewarisan waris *dhawī al-arḥām* dalam agihan *farāid*.

---

<sup>23</sup> M. Amir Syauqi Mad Sukri, Nasrul Hisyam Nor Muhamad & Afifah Hamdan, “Pelaksanaan Perintah Harta Pusaka Waris *Zawil Arham* di Baitulmal,” *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)* 5, no. 31 (2020): 108, <https://academicinspired.com/jised/issue/view/86>.

<sup>24</sup> Zaini Nasohah, “Undang-undang Penguatkuasaan Fatwa di Malaysia,” *Islamiyyat* 27, no.1 (2005): 30, <https://journalarticle.ukm.my/view/divisions/J=5FIslam/2005.html>.

<sup>25</sup> Juraish Kamarudin, “Memperkasa Baitulmal Menerusi Undang-Undang Syariah,” *Jurnal Pengurusan JAWHAR* 2, no. 2 (2008): 135, <https://e-penerbitan.jawhar.gov.my/wp-content/uploads/2022/07/Jurnal-No-2-2008.pdf>.

## Penilaian Semula Fatwa Berkaitan Kedudukan Baitulmal Sebagai Waris

Sekalipun amalan pembahagian pusaka di Malaysia adalah bersandarkan kepada Mazhab Syāfi'ī dan baitulmal merupakan pihak yang berhak menerima baki harta pusaka. Namun begitu, perundangan sedia ada telah mewujudkan ruang untuk membolehkan pelaksanaan kaedah pembahagian pusaka secara *al-radd* atau membolehkan *dhawī al-arhām* diiktiraf sebagai waris yang berhak mewarisi pusaka melalui fatwa sebagaimana peruntukan yang terdapat dalam Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri-negeri yang memperuntukkan bahawa jika *qaul* muktamad Mazhab Syāfi'ī berlawanan dengan kepentingan awam, bolehlah mengikut *qaul* muktamad Mazhab lain atau jika *qaul* empat Mazhab berlawanan dengan kepentingan awam, maka dibolehkan membuat fatwa mengikut ijtihad tanpa terikat dengan *qaul* muktamad daripada mana-mana mazhab yang empat. Sebagai contoh boleh dilihat peruntukan dalam Enakmen Mufti dan Fatwa (Kedah Darul Aman). Undang-undang No. 10 Tahun 2008. Bahagian II – Mufti di bawah seksyen 8(1), seksyen 19(1), seksyen 22 dan seksyen 2.<sup>26</sup> Maka, dalam hal ini difahami bahawa sekiranya *qaul* muktamad dalam Mazhab Syāfi'ī bertentangan dengan kepentingan awam, maka Majlis Agama Islam Negeri dibenarkan untuk memilih pendapat mazhab lain berdasarkan *maslahah*, sebagaimana fatwa berkaitan keharusan membayar zakat fitrah dengan menggunakan nilai ringgit bagi menggantikan satu gantang beras yang diambil dari mazhab Hanafi.<sup>27</sup> Sehubungan itu, pengecualian yang terdapat di dalam peruntukan ini sangat baik bagi membuktikan keanjalan pelaksanaan ijtihad dan berpegang kepada pendapat yang boleh menjaga kepentingan waris dan masyarakat awam di Malaysia. Peruntukan yang terdapat dalam Enakmen Mufti

---

<sup>26</sup> Kamarudin Ahmad dan Amirudin Putera Zainol Abidin, “Kedudukan Dhawī al-Arhām di dalam Sistem Pembahagian Pusaka Islam: Satu Sorotan di Negeri Kedah Darul Aman,” kertas kerja dibentangkan dalam Persidangan Antarabangsa Sains Sosial & Kemanusiaan (PASAK), Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS), Bangi, 26–27 April 2017, 11.

<sup>27</sup> Mustafa Mat Jubri Shamsuddin, “Aplikasi Maqāsid ke atas Hukum Membayar Zakat Fitrah Mengikut Harga Beras yang Dimakan,” kertas kerja dibentangkan di dalam, International Conference on Syariah & Law2021(ICONSYAL), Online Conference, 06 April 2021, 593.

dan Fatwa Kedah ini tidak jauh berbeza dengan peruntukan di negeri-negeri lain di Malaysia.

Malah, menurut Mohamad Fadzil & Muhamad Mu'izz<sup>28</sup> walaupun pengeluaran fatwa adalah kuasa di peringkat negeri namun semua Mufti negeri akan bersidang dalam Majlis Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan bagi membincangkan mengenai isu-isu nasional. Sejak penubuhannya pada tahun 1970, terdapat banyak keputusan dikeluarkan oleh Majlis Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan antaranya seperti vaksin COVID-19 dan status anak luar nikah. Namun begitu, keputusan yang dikeluarkan tidak semestinya diterima oleh Majlis Agama Islam Negeri kerana keputusan yang dikeluarkan masih berada di bawah bidang kuasa negeri. Majlis Agama Islam Negeri mungkin boleh menerima keputusan tersebut dengan beberapa pelarasan dengan mengikut kepada keperluan dan kepentingan masyarakat setempat dengan mengambil kira pandangan mazhab Ḥanafī dan Ḥanbalī sebagaimana Negeri Perlis yang telah mengeluarkan ketetapan dan fatwa mengenai pengurusan lebihan harta pusaka melalui Keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Perlis Kali Ke-37/2018 yang menyatakan:

*“Harta yang ditinggalkan tanpa pewaris dalam kalangan Ashab al-Furudh dan Asabah diuruskan oleh MAIPs demi untuk kepentingan umat Islam. Dalam masa yang sama pihak pengurusan MAIPs wajar untuk memberikan keutamaan kepada Zawil Arham jika ia dapat dilakukan. Hal ini lebih menepati keperluan semasa dalam konteks perundangan negara kita.”*

Hal ini bermakna, Negeri Perlis telah mengambil inisiatif untuk memberi pandangan berdasarkan kepentingan umum yang difikirkan munasabah untuk kesejahteraan waris si mati dan fatwa ini bukanlah sesuatu yang ganjil (*al-shādh*) atau bertentangan

---

<sup>28</sup> Mohamad Fadzil Mohamad & Muhamad Mu'izz Abdullah, “The Implementation of Radd in Islamic Inheritance Law (Faraid): One of the Solutions for Estate Administration Problem,” kertas kerja dibentangkan di dalam 1st International Conference on Contemporary Islamic Studies (ICIS), Online Conference, 08 Jun 2021, 110.

dengan majoriti empat mazhab yang ada. Sebaliknya, ia meraikan kepelbagaian mazhab yang ada dalam Islam.<sup>29</sup> Tambahan pula dalam pembahagian harta pusaka ini, pertimbangan *maṣlahah* kepada waris adalah melibatkan perkara ijtihādī, kerana tiada ketetapan yang jelas daripada nas syarak dan setiap waris mempunyai keutamaan tertentu.<sup>30</sup> Malah, keterbukaan perundangan yang membenarkan pemakaian hukum syarak berdasarkan pendapat mazhab selain mazhab Syāfi‘ī perlulah digunakan sebaiknya dan seluas-luasnya bagi mengelakkan kejumudan pendapat di dalam Islam.<sup>31</sup>

### **Pertimbangan Maqasid Syariah dalam Pelaksanaan Pembahagian Harta Pusaka Secara *al-Radd* atau Diwariskan Kepada *Dhawī al-Arḥām***

Menurut Ahmad Akram et.al.<sup>32</sup> setiap fatwa yang hendak diputuskan perlu berasaskan kepada maqasid syariah. Hal ini kerana, hanya ijthihad yang memenuhi kehendak maqasid syariah mampu menjamin kesesuaian hukum dengan realiti semasa serta memenuhi tuntutan perubahan sosial secara menyeluruh. Maqasid syariah terdiri daripada lima prinsip utama iaitu agama, nyawa, akal, keturunan dan harta. Bahkan, imam al-Ghazali<sup>33</sup> turut menjelaskan bahawa menjaga lima prinsip utama ini merupakan maqasid syariah dari aspek menjaga *darūriyyah al-khams*. Hal ini kerana, elemen

---

<sup>29</sup> Muhamad Mu'izz Abdullah, Mohd Zamro Muda dan Md Yazid Ahmad, "Evaluating the Fatwa on Surplus Estate Management in the State of Perlis: Insights into the Al-Radd (Reinstatement) Method," *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences* 14, no. 8 (2024): 113, <http://dx.doi.org/10.6007/IJARBS/v14-i8/22071>.

<sup>30</sup> Jasni Sulong & Faisal Husen Ismail, "Pemakain Doktrin al-Masalih al-Mursalah dalam Hukum Faraid," *Jurnal Syariah* 19, no.1 (2011): 14, <https://ejournal.um.edu.my/index.php/JS/article/view/22640>.

<sup>31</sup> Amirudin Putera Zainol Abidin, "Kedudukan Dhawi al-Arham dalam Sistem Pembahagian Pusaka Islam: Satu Kajian di Negeri Kedah Darul Aman" (disertasi sarjana, Fakulti Pengajian Siswazah Sastera dan Sains Awang Had Salleh, Universiti Utara Malaysia, 2012), 150.

<sup>32</sup> Ahmad Akram Mahmad Robbi, Naimah Mohamad Nasir dan Irwan Mohd Subri, "Pendekatan Masalah Dalam Pemfatwaan di Malaysia: Kajian Terhadap Fatwa Terpilih," *Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa* 15, no. 1 (2019): 9, <https://doi.org/10.33102/jfatwa.vol15no1.204>.

<sup>33</sup> Abū Ḥamīd Muḥammad bin Muḥammad al-Ṭūsī Al-Ghazālī, *Al-Muṣṣaṣfa Min 'Ilm al-Uṣūl* (Beirūt: al-Risālah al-ʿAlamiyyah, 2012), 102.

*darūriyyah* dan maqasid syariah merupakan aspek penting dan tidak boleh dikedepikan dalam proses pengeluaran sesuatu fatwa atau dalam usaha penyusunan semula kedudukan sesuatu fatwa.<sup>34</sup> Oleh itu dalam mengeluarkan fatwa, setiap ulama atau mufti perlu mempertimbangkan maqasid syariah terlebih dahulu. Malah, kegagalan untuk mengambil kira maqasid syariah dalam proses pengeluaran fatwa boleh menyebabkan fatwa tersebut menjadi mutlak, tegar, dan tidak sesuai untuk diterapkan dalam kehidupan seharian.<sup>35</sup>

Mohamad Fadzil dan Muhamad Mu'izz<sup>36</sup> turut menjelaskan bahawa dalam konteks semasa dilihat bahawa penerimaan kaedah pembahagian harta pusaka secara *al-radd* ini merupakan suatu pertimbangan terhadap maqasid syariah yang berkaitan dengan pemeliharaan jiwa dan harta. Hal ini kerana, melalui pelaksanaan *al-radd* dapat meningkatkan taraf hidup waris, sekiranya mereka menerima bahagian melalui pembahagian harta pusaka yang maksimum berbanding jika hanya memperolehi sebahagian kecil daripada harta pusaka tersebut dan merupakan satu usaha ke arah merealisasikan kehendak maqasid syariah, khususnya dalam menjamin taraf hidup waris yang berhak.

Justeru itu, penerimaan kaedah *al-radd* atau pengagihan pusaka kepada waris *dhawī al-arhām* di Malaysia dilihat sebagai langkah penyelesaian untuk kebajikan waris. Hal ini kerana, Jasni

---

<sup>34</sup> Mohd Faez Mohd Shah dan Norhidayah Pauzi, "Metodologi Pengeluaran Fatwa di Jawatankuasa Fatwa Negeri Johor," *Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa* 13, no.1 (2018): 75, <https://doi.org/10.33102/jfatwa.vol13no1.132>

<sup>35</sup> Ahmad Akram Mahmad Robbi, Naimah Mohamad Nasir dan Irwan Mohd Subri, "Pendekatan Masalah Dalam Pemfatwaan di Malaysia: Kajian Terhadap Fatwa Terpilih," *Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa* 15, no. 1 (2019): 10, <https://doi.org/10.33102/jfatwa.vol15no1.204>.

<sup>36</sup> Mohamad Fadzil Mohamad dan Muhamad Mu'izz Abdullah, "The Implementation of Radd in Islamic Inheritance Law (Faraid): One of the Solutions for Estate Administration Problem," kertas kerja dibentangkan di dalam 1st International Conference on Contemporary Islamic Studies (ICIS), Online Conference, 08 Jun 2021, 111.

Sulong dan Faisal Husen<sup>37</sup> berpandangan bahawa kebajikan atau *maṣlahah* kepada waris-warisi ini dibina berasaskan hubungan darah yang wujud antara mereka dan tanggungjawab yang dipikul dalam kehidupan harian, bahkan nilai *maṣlahah* ini bersifat *mursalah* kerana sebahagian besar daripadanya tidak mempunyai dalil yang jelas.

Antara *maṣlahah* yang boleh dicapai melalui penilaian ini ialah dapat meringankan beban dan memelihara kebajikan waris yang susah dan tidak mampu tebus harta pusaka yang berkongsi bahagian bersama baitulmal. Sebagai contoh boleh dilihat dalam satu kes permohonan tebus pusaka harta alih yang terhak kepada baitulmal oleh waris si mati. Dalam kes ini, pemohon adalah isteri si mati dan merupakan waris tunggal yang hanya mewarisi sebanyak  $\frac{1}{4}$  daripada bahagian pusaka dan  $\frac{3}{4}$  baki diserahkan kepada baitulmal. Pihak waris telah diarah oleh Amanah Raya Berhad (ARB) untuk menjelaskan bayaran hak baitulmal pada harta alih si mati bernilai RM8,100.00 yang merupakan  $\frac{3}{4}$  bahagian daripada RM10,800.00. Oleh kerana kesusahan hidup, waris telah mengemukakan permohonan kepada baitulmal untuk mendapatkan pengecualian bayaran atau pengurangan bayaran untuk menebus harta alih yang ditinggalkan oleh si mati. Walau bagaimanapun, dalam kes ini setelah membuat sisatan dan pertimbangan pihak baitulmal hanya memberi pengurangan bayaran kepada waris iaitu sebanyak RM3000.00 daripada jumlah asal dan membenarkan waris membayar nilai tersebut secara ansuran bulanan.<sup>38</sup>

Bahkan penialaian semula ini juga dapat memastikan isu berkaitan pengurusan harta pusaka oleh baitulmal dapat di atasi. seperti menangani isu tanah pusaka milik bersama yang berkongsi bahagian dengan waris. Hal ini kerana, tanah milik bersama ini sukar untuk diurus dan dijual disebabkan tidak mendapat kerjasama yang baik dalam kalangan waris. Bahkan, terdapat sebahagian tanah yang dimiliki bermasalah untuk dibangunkan kerana saiz kecil dan

---

<sup>37</sup> Jasni Sulong dan Faisal Husen Ismail, "Pemakaian Doktrin al-Masalih al-Mursalah dalam Hukum Faraid," *Jurnal Shariah* 19, no.1 (2011): 12, <https://ejournal.um.edu.my/index.php/JS/article/view/22640>.

<sup>38</sup> Fail Baitulmal Majlis Agama Islam Selangor, "Laporan Siasatan Penebusan Harta Pusaka Baitulmal," (Selangor: Baitulmal Majlis Agama Islam Selangor, 2022).

lokasi yang tidak strategik.<sup>39</sup> Situasi ini menyebabkan pihak baitulmal sukar untuk menjual kepada pihak lain atau untuk mengusahakannya bagi mendatangkan hasil kepada baitulmal.<sup>40</sup>

Penilaian semula ini juga dapat menangani isu pertikaian di kalangan masyarakat dan waris yang mempersoalkan kewajaran baitulmal dalam menerima harta pusaka si mati. Hal ini kerana Baitulmal MAINS, MAIK MAIS dan MAIM masih berhadapan dengan isu berkaitan dengan masalah pemahaman masyarakat.<sup>41</sup>

Sehubungan itu, pihak-pihak yang bertanggungjawab dalam menentukan amalan pembahagian harta pusaka di Malaysia seperti Mahkamah Syariah dan Jabatan Mufti Negeri-negeri untuk membuat penilaian dan pertimbangan sewajarnya supaya pembahagian harta pusaka secara *al-radd* atau diwariskan kepada *dhawī al-arḥām* boleh dilaksanakan dan ia bergantung kepada fakta sesuatu kes yang berlaku. Malah, Ahmad Termizi<sup>42</sup> dalam penulisannya turut menyeru kepada peguam syarie agar mereka dapat membuat permohonan pengiraan *farāid* yang khusus sama ada pengiraan secara *al-radd* atau memohon supaya baki harta pusaka diserahkan kepada waris *dhawī al-arḥām* bergantung kepada fakta kes. Penilaian semula hukum-hukum yang menyentuh pertikaian

---

<sup>39</sup> Nurul Syafiah Abdul Jalil, Penolong Pengarah, Bahagian Mal, Jabatan Wakaf Majlis Agama Islam Negeri Sembilan, 08 Februari 2023. Rohaizah Abas, Penolong Setiausaha, Bahagian Wakaf dan Mal, Majlis Agama Islam Melaka, temu bual oleh penulis, 20 Disember 2023.

<sup>40</sup> Syeikh Ahmad Zaki Ghazali, Ketua Bahagian Baitulmal, Majlis Agama Islam Negeri Kedah, temu bual oleh penulis, 31 Julai 2023. Mohd Ridzuan Muhamad, Penolong Setiausaha, Bahagian Wakaf dan Sumber Am, Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu, temu bual oleh penulis, 15 November 2023.

<sup>41</sup> Nurul Syafiah Abdul Jalil, Penolong Pengarah, Bahagian Mal, Jabatan Wakaf Majlis Agama Islam Negeri Sembilan, 08 Februari 2023. Syeikh Ahmad Zaki Ghazali, Ketua Bahagian Baitulmal, Majlis Agama Islam Negeri Kedah, temu bual oleh penulis, 31 Julai 2023. Indera Shahril Mohd Shahid, Pengarah Baitulmal, Majlis Agama Islam Selangor, temu bual oleh penulis, 03 Ogos 2023. Rohaizah Abas, Penolong Setiausaha, Bahagian Wakaf dan Mal, Majlis Agama Islam Melaka, temu bual oleh penulis, 20 Disember 2023.

<sup>42</sup> Ahmad Termizi Abdullah, *Pengurusan & Pembahagian Harta Pusaka Di Malaysia* (Selangor: Carfi Integrated Sdn.Bhd, 2019), 95.

mengenai pembahagian harta pusaka secara *al-radd* atau menerima *dhawī al-arḥām* sebagai waris boleh disemak semula dengan melihat kepada pandangan-pandangan mazhab yang sesuai terutama dalam situasi semasa pada ketika ini.

Bersesuaian dengan kaedah fiqh yang menyebut: ‘Tidak diingkari berlakunya perubahan hukum (fatwa) disebabkan perubahan masa. Selaras dengan keperluan dan perkembangan semasa, penilaian semula terhadap kes kematian seseorang adalah amat penting bagi memastikan kebajikan dan maṣlaḥah waris terus dapat dipelihara. Bahkan, al-Zuhayli,<sup>43</sup> al-Syatibi<sup>44</sup> dan Badran<sup>45</sup> turut menyatakan bahawa apabila sesuatu hukum itu bersifat fatwa dan pada masa yang sama termasuk dalam perkara *ijtihādī*, maka sudah tentu hasil ijtihad tersebut tidak bersifat kekal selamanya. Hal ini kerana, hukum itu terbina berdasarkan kewujudan ‘illah dan apabila ‘illah berubah, maka hukum turut berubah sebagaimana diungkapkan oleh para ulama *uṣul* ‘*sesungguhnya hukum itu bertukar berdasarkan kewujudan dan ketiadaan ‘illah bukannya berdasarkan hikmah.*’ Amirudin Putera<sup>46</sup> turut berpandangan bahawa situasi ini bertepatan dengan syariat Islam yang bersifat *syumul* dan *murūnah* serta sesuai pada setiap masa dan tempat, percanggahan pendapat para ulama mazhab adalah rahmat.

Justeru, dalam membuat keputusan pandangan mufti perlu diambil kira. Malah, sebelum keputusan dibuat oleh mufti input-input atau fakta yang bersesuaian mengenai kedudukan dan situasi waris perlu diberi terlebih dahulu supaya keputusan yang dibuat adalah relevan dan sesuai dilaksanakan. Namun demikian, pertimbangan atau fatwa tersebut perlu diselarikan dengan Akta

---

<sup>43</sup> Wahbah al-Zuhaylī, *al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuh* (Beirūt: Dār al-Fikr, 1996), 8:7795.

<sup>44</sup> Abū Ishāq Ibrāhīm bin Mūsa al-Syātibī, *Al-Muwāfaqat fī Uṣūl al-Syarʿah* (Beirut: Dar al- Maʿrifah, 1997), 4:109.

<sup>45</sup> Abū al- Ainain Badrān Badrān, *Uṣūl al-Fiqh al-Islāmī* (Iskandariyyah: Muʾassasat al-Thaqāfah al-Jamīʿiyyah, t.th), 210.

<sup>46</sup> Amirudin Putera Zainol Abidin, “Kedudukan Dhawī al-Arham dalam Sistem Pembahagian Pusaka Islam: Satu Kajian di Negeri Kedah Darul Aman,” (disertasi sarjana, Fakulti Pengajian Siswazah Sastera dan Sains Awang Had Salleh, Universiti Utara Malaysia, 2012), 153.

Harta Pusaka Kecil (Pembahagian) 1955 supaya pihak Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian (JKTPG) akur dengan fatwa dan seterusnya melaksanakan pembahagian harta pusaka si mati sama ada secara *al-radd* atau diwariskan kepada *dhawī al-arḥām*.

## **PENUTUP**

Secara keseluruhannya, kajian ini telah meneliti kedudukan baitulmal dalam konteks pewarisan harta menurut perspektif fiqh serta pelaksanaannya di Malaysia. Berdasarkan analisis hukum, dapat dirumuskan bahawa Mazhab Syāfi‘ī telah meletakkan baitulmal sebagai pihak yang berhak menerima harta pusaka yang sah, sekiranya si mati tidak mempunyai waris atau terdapat lebih setelah diberikan kepada waris yang berhak menurut hukum syarak.

Begitu juga dalam konteks undang-undang di Malaysia baitulmal turut diiktiraf sebagai pihak yang berhak terhadap keseluruhan harta pusaka si mati yang tidak berwaris atau ada waris tetapi masih terdapat lebih setelah diberikan kepada waris yang berhak dalam kalangan *aṣḥāb al-furūd* atau *‘aṣabah* dengan mengambil kira pandangan Mazhab Syāfi‘ī.

Sehubungan itu, walaupun perundangan di Malaysia bersandarkan kepada Mazhab Syāfi‘ī, akan tetapi perundangan sedia ada juga telah mewujudkan ruang bagi membolehkan pelaksanaan kaedah pembahagian pusaka secara *al-radd* atau membolehkan *dhawī al-arḥām* diiktiraf sebagai waris melalui fatwa sebagaimana peruntukan yang terdapat dalam Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri-negeri.

Selaras dengan itu, berdasarkan kepada situasi kehidupan masa kini, penelitian semula berkaitan hukum yang menyentuh mengenai pelaksanaan kaedah *al-radd* serta pengagihan pusaka kepada waris *dhawī al-arḥām* di Malaysia adalah perlu dan dilihat sebagai langkah penyelesaian kepada kebajikan waris, serta dapat memastikan isu-isu berkaitan pengurusan harta pusaka oleh baitulmal dapat di atasi. Bahkan, pada masa sama melalui keanjalan dalam pelaksanaan ijtihad juga dapat memastikan *maṣlahah* dan kebajikan waris si mati dapat dipelihara.

## RUJUKAN

- Abas, Rohaizah. “Temu bual dengan penulis.” 20 Disember 2023.
- Abdul Jalil, Nurul Syafiah. “Temu bual dengan penulis.” 08 Febuari 2023.
- Abdullah, Muhamad Mu'izz, Mohd Zamro Muda dan Md Yazid Ahmad. “Evaluating the Fatwa on Surplus Estate Management in the State of Perlis: Insights into the Al-Radd (Reinstatement) Method.” *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences* 14, no. 8 (2024): 109-119. <http://dx.doi.org/10.6007/IJARBS/v14-i8/22071>.
- al-Dimashqī, Abu al-Fida Isma‘il ibn ‘Umar ibn Kathīr. *Tafsīr Ibn Kathīr*. Beirut: Dār al-Kitāb ‘Alamiyyah, 1998.
- al-Khātib, al-Sharbinī Shams al-Dīn Muḥammad ibn Muḥammad. *al-Mughnī al-Muhtāj*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah, 1994.
- al-Māwardī, ‘Alī bin Muḥammad. *Al-Hāwī al-Kabīr*. Beirut: Dār al-Kutubi Al-‘Ilmiyyah, 1994.
- al-Nawāwī, Abī Zakaria Yahya ibn Sharaf. *Minhāj al-Ṭālibīn*. t.tp, t.th.
- al-Ramlī, Shams al-Dīn Muḥammad ibn Abī al-‘Abbas Aḥmad ibn Hamzah ibn Shihāb al-Dīn. *Nihāyah al-Muhtaj ila Sharh al-Minhāj fi al-Fiqh ‘ala Mazhab al-Imam al-Syāfi ‘ī*. t.tp, t.th.
- al-Ṣabūnī, Muḥammad ‘Alī. *al-Mawāriṭh fi al-Sharī‘ah al-Islamiyyah fi daw’ al-Kitāb wa al-Sunnah*. Al-Qāhirah: Dār al-Ṣabūnī, 2002.
- al-Shāfi‘ī, Muḥammad ibn Idris. *Al-Umm*. Beirut: Dār al-Ma‘rifah, 1990.
- al-Suyūṭī, Jalāl al-Dīn ‘Abd al-Raḥman. *Muḥammad Ḥasan Muḥammad Ḥasan Isma‘il al-Syāfi ‘ī. al-Asybah wa al-Nazā‘ir fi Qawācid wa Furū’ Fiqh al-Syāfi‘īyyah*. ed.1, Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1998.

- al-Zuhailī, Wahbah. *Fiqh Islamī wa Adillatuh*. Beirut: Dār al-Fikr al-Mu‘āshir, 2002.
- Awang, Mohd Ridzuan. *Undang-undang pentadbiran pusaka orang-orang Islam di Malaysia*. Al-Rahmaniah: Kuala Lumpur, 1988.
- Badrān, Abū al- ‘Ainain Badrān. *Uṣul al-Fiqh al-Islāmī*. Iskandariyyah: Mu’assasat al-Thaqāfah al-Jami’iyyah, t.th.
- Baitulmal Majlis Agama Islam Selangor. *Laporan Siasatan Harta Pusaka Baitulmal*. Selangor: Baitulmal Majlis Agama Islam Selangor, 2022.
- Buang, Ahmad Hidayat. “Analisis Fatwa-Fatwa Syariah di Malaysia.” *Jurnal Shariah* 10, no. 1 (2002): 39-52. <https://ejournal.um.edu.my/index.php/JS/article/view/22896>.
- Buang, Ahmad Hidayat. “Kebebasan Memberi Pandangan dalam Isu-isu Agama Islam terhadap Fatwa-fatwa Jabatan Mufti Negeri-negeri di Malaysia.” Kertas kerja dibentangkan dalam *Seminar Pemikiran Islam Peringkat Kebangsaan* (1), Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 11 Januari 2003.
- Ghazali, Syeikh Ahmad Zaki. “Temu bual dengan penulis.” 31 Julai 2023.
- Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia. Arahan Amalan No. 9 Tahun 2001. Kuala Lumpur: Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM), 2 Januari 2001.
- Jabatan Wakaf Zakat dan Haji. *Manual Pengurusan Tebus Pusaka*. Putrajaya: Percetakan Nasional Malaysia Berhad (PNMB) Jalan Chan Sow Lin, 2008.
- Kamarudin, Ahmad & Amirudin Putera Zainol Abidin. “Kedudukan Dhawi al-Arham di dalam Sistem Pembahagian Pusaka Islam: Satu Sorotan di Negeri Kedah Darul Aman”. Kertas kerja dibentangkan dalam *Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan* (PASAK), Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor, 26-27 April 2017.

- Kamarudin, Juraish. “Memperkasa Baitulmal Menerusi Undang-Undang Syariah.” *Jurnal Pengurusan JAWHAR* 2, no. 2 (2008): 99-140. <https://e-penerbitan.jawhar.gov.my/wp-content/uploads/2022/07/Jurnal-No-2-2008.pdf>.
- Kedah Darul Aman. Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam (Kedah Darul Aman) 2008 (Enakmen No. 9 Tahun 2008). Alor Setar: Kerajaan Negeri Kedah, 2008.
- Mad Sukri, M. Amir Syauqi, Nasrul Hisyam Nor Muhamad dan Afifah Hamdan. “Pelaksanaan Perintah Harta Pusaka waris Dhawī al-Arḥām di Baitulmal.” *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)* 5, no. 31 (2020): 100-113. <https://academicinspired.com/jised/issue/view/86>
- Mahmad Robbi, Ahmad Akram., Naimah Mohamad Nasir dan Irwan Mohd Subri. “Pendekatan Masalah Dalam Pemfatwaan di Malaysia: Kajian Terhadap Fatwa Terpilih.” *Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa* 15, no. 1 (2019): 1-21. <https://doi.org/10.33102/jfatwa.vol15no1.204>.
- Mohamad, Mohamad Fadzil dan Muhamad Mu’izz Abdullah. “The Implementation of Radd in Islamic Inheritance Law (Faraid): One of the Solutions for Estate Administration Problem.” Kertas kerja dibentangkan dalam *1st International Conference on Contemporary Islamic Studies (ICIS)*, Online Conference, 08 Jun 2021.
- Mohd Shah, Mohd Faez dan Norhidayah Pauzi. “Metodologi Pengeluaran Fatwa Di Jawatankuasa Fatwa Negeri Johor.” *Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa* 13, no.1 (2018): 70–88. <https://doi.org/10.33102/jfatwa.vol13no1.132>.
- Mohd Shahid, Indera Shahril. “Temu bual dengan penulis.” 3 Ogos 2023.
- Muhamad, Mohd Ridzuan. “Temu bual dengan penulis.” 15 November 2023.
- Mustafa al-Khin, Mustafa al-Buqha dan ‘ Alī al-Syarbajī. *Fiqh al-Manhajī*. Damshiq: Dār al-Qalam, 2000.

Nasohah, Zaini. “Undang-undang Penguatkuasaan Fatwa di Malaysia.” *Islamiyyat* 27, no.1 (2005): 25-44. <https://journalarticle.ukm.my/view/divisions/J=5FIslam/2005.html>.

Selangor Darul Ehsan. Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003 (Enakmen No. 1, Tahun 2003). Shah Alam: Kerajaan Negeri Selangor, 2003.

Shalabī, Muḥammad Muṣṭafa. *Aḥkām al-Mawārīth bayn al-Fiqh wa al-Qānūn*. Beirut: Dār al-Nahdhah al- ‘ Arabiyah, 1978.

Shamsuddin, Mustafa Mat Jubri. “Aplikasi Maqāsid ke atas Hukum Membayar Zakat Fitrah Mengikut Harga Beras yang Dimakan.” Kertas Kerja dibentangkan dalam *International Conference on Syariah & Law (ICONSIAL)*, Online Conference, 06 April 2021.

Sulong, Jasni & Faisal Husen Ismail. “Pemakain Doktrin al-Masalih al-Mursalah dalam Hukum Faraid.” *Jurnal Shariah* 19, no.1 (2011): 1-22. <https://ejournal.um.edu.my/index.php/JS/article/view/22640>

Sulong, Jasni. “Kedudukan Mazhab Syāfi ‘ī dalam Amalan Pembahagian Harta Pusaka dan Wasiat Islam di Malaysia.” *Jurnal Syariah* 16, no. 1. (2008): 163-183. <https://ejournal.um.edu.my/index.php/JS/article/view/2278>

Zainol Abidin, Amirudin Putera. “Kedudukan Dhawi al-Arham dalam Sistem Pembahagian Pusaka Islam: Satu Kajian di Negeri Kedah Darul Aman.” Disertasi Sarjana, Fakulti Pengajian Siswazah Sastera dan Sains Awang Had Salleh, Universiti Utara Malaysia, 2012.